

Al-Majnun: Satu Analisis Kandungan Berdasarkan al-Quran

Mohd Nasir Masroom^a, Siti Norlina Muhamad^b, Siti Aisyah Abd Rahman^c

^aFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^bPusat Kajian Fiqh, Sains dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^cJabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: m.nasir@utm.my

Abstract

In the al-Quran there are verses that tell about the Messenger of Allah has been accused of being insane or mental disorder by infidels Quraisyh in his day. Why someone who was a very precious in the sight of Allah is accused of being insane by his people? What are the characteristics of him until such accused? This article attempts to investigate the meaning and characteristics of insane as it was intended by the Quraisyh. The methodology used is by analyzing the content of the word "*al-majnun*" (المجنون) in the Quran as well as making reference to the book of commentary. Then, the researcher refers to some orientalist view to get a deeper understanding the meaning of insane in the context of Quraisyh. The study found that the accusation was referring to the three main points. First, the use of the word *al-majnun* to portray a sense of awe, wonder and bizarre towards Prophet messages that involving unseen and abstract concept like faith of Allah Almighty, heaven and hell, sin and reward. Second, it refers to his strange and unique experiences particularly during revelation. Third, it refers to the miracles bestowed by Allah SWT as proof that he is the messenger of Allah SWT.

Keywords: Muhammad (PBUH), insane, mental disorder, al-majnun, possessed, Islam.

Abstrak

Di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menceritakan tentang Rasulullah SAW pernah dituduh sebagai gila atau mempunyai masalah mental (*mental disorder*) oleh orang-orang kafir Quraisyh pada zamannya. Mengapakah baginda yang sangat mulia di sisi Allah SWT dituduh sebagai gila oleh kaumnya? Apakah ciri-ciri yang ada pada baginda sehingga ditohmah sebegini? Artikel ini cuba menyelidiki pengertian dan ciri-ciri gila seperti yang dimaksudkan oleh orang Quraisyh. Metod yang digunakan ialah dengan melakukan analisis kandungan terhadap perkataan "*al-majnun*" (المجنون) yang terdapat di dalam al-Quran serta membuat rujukan kepada kitab tafsir. Kemudian, pengkaji merujuk kepada beberapa pandangan orientalis untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap maksud gila dalam konteks orang-orang Quraisyh ketika itu. Hasil kajian mendapati bahawa tuduhan sebagai gila tersebut adalah merujuk kepada tiga perkara utama. Pertama, penggunaan perkataan *al-majnun* untuk menggambarkan rasa takjub, pelik dan hairan terhadap mesej dakwah Baginda SAW yang melibatkan perkara-perkara yang abstrak dan tidak nampak seperti konsep tauhid kepada Allah Allah SWT, syurga dan neraka, dosa dan pahala. Kedua, ia juga merujuk kepada pengalaman-pengalaman aneh dan unik yang dialami Rasulullah SAW ketika menerima wahyu. Ketiga, ia merujuk kepada mukjizat yang dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai bukti bahawa Baginda adalah utusan Allah SWT.

Kata kunci: Muhammad SAW, gila, al-majnun, sakit mental, dirasuk, Islam.

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Nabi Muhammad SAW adalah seorang nabi akhir zaman yang diutuskan kepada semua makhluk dengan membawa risalah Islam yang memberi rahmat kepada sekalian alam (Surah al-Anbiya, 21: 107). Baginda juga mendapat pengiktirafan daripada Allah SWT tentang ketinggian akhlak berbanding dengan manusia seluruhnya (Surah al-Qalam, 68:4) yang menjadi contoh dan tauladan untuk diikuti (Surah al-Ahzab, 33: 21).

Menurut al-Sibaie (1985), sebelum Baginda SAW menyeru orang Arab Jahiliyyah kepada Islam, Baginda dikenali dengan gelaran "*al-amin*" iaitu yang dipercayai kerana Baginda mampu menyelesaikan pertelingkahan kabilah Arab ketika mahu meletakkan semula batu Hajar al-Aswad ditempat asalnya. Mereka bertengkar tentang kabilah manakah yang akan diberi penghormatan untuk meletak batu hitam itu. Setiap kabilah ingin mendapat penghormatan tersebut sehingga ancaman perang dimulakan. Kemudiannya mereka bersetuju untuk merujuk kepada orang pertama yang memasuki Masjid al-Haram pada keesokan hari sebagai hakim. Baginda SAW adalah orang pertama yang memasuki Masjid al-Haram dan dilantik sebagai hakim. Baginda memutuskan perletakkan batu hitam itu dilakukan dengan meletakkan Hajar al-Aswad pada selendang Baginda. Setiap wakil kabilah memegang penjuru kain dan Baginda sendiri meletakkan batu itu pada tempat asalnya. Semua kabilah berpuas hati dan damailah mereka daripada perperangan saudara.

Gelaran tersebut juga diberikan kerana kejujuran, amanah dan peribadi mulia ketika berada di dalam masyarakat. Baginda terkenal dengan hubungan baik dengan semua orang, menepati janji, menjalani hidup yang baik tidak seperti pemuda-pemuda yang sebaya dengannya

ketika itu. Sewaktu menjalankan perniagaan, sifat jujur dan amanah inilah yang telah menyebabkan perniagaan Khadijah yang Baginda jalankan mendapat keuntungan yang besar (al-Sibaie, 1985).

Namun demikian, sebaik sahaja Baginda SAW menyeru kepada Islam dan mentauhidkan Allah SWT, Baginda telah digelar dengan gelaran penipu, pembohong, ahli sihir dan gila. Menurut al-Baqi (1364h), terdapat sebelas ayat di dalam al-Quran yang menyebut perkataan *al-majnun* (gila) yang merujuk kepada tohmahan kaum yang ingkar kepada dakwah nabi dan rasul. Ayat-ayat tersebut ialah Surah al-Hijr (15: 6), Surah al-Syuara' (26: 27), Surah al-Soffat (37: 36), Surah al-Dukhan (44: 14), Surah al-Zariyyat (51: 39 & 52), Surah al-Thur (52: 29), Surah al-Qamar (54: 9), Surah al-Qalam (68: 2 & 51), dan Surah al-Takwir (81: 22).

■ 2.0 DEFINISI AL-MAJNUN

Dari segi bahasa, Ibn Manzur (1997) berpandangan, perkataan *al-majnun* adalah terbitan dari kata “جَنُّ” yang bermakna dinding atau hijab atau lindung, seperti ayat *جن الشيء* bermaksud melindungi sesuatu dari pandangan mata. Firman Allah SWT, *فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَى كَوْكَبًا*, bermaksud “Maka ketika dia berada pada waktu malam yang gelap, dia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar)” (Surah al-An'am, 6:76). Sebab itu juga disebut janin, kerana ia berada di dalam perut ibu, tidak kelihatan dengan mata. Sama seperti perkataan jin, makhluk yang tidak dapat dilihat oleh mata. Selain itu, ia juga membawa pengertian hilang atau rosak akal atau rasuk jin.

Pengertian *al-majnun* juga boleh dirujuk kepada makna “dirasuk jin” berdasarkan kepada perkataan “*Jinnah*” yang yang digunakan dalam Surah al-A'raf (7: 184), Surah al-Mukminun (23: 25 dan 70) dan Surah Saba' (34: 8 dan 46). Contoh ayat yang menggunakan perkataan “*Jinnah*” yang membawa maksud gila atau dirasuk jin adalah firman Allah SWT “*أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَمْ بِهِ جِنَّةٌ*” bermaksud “Adakah dia berdusta terhadap Allah atau dia kena penyakit gila?” (Surah Saba', 34: 8).

Dari sudut istilah pula, perkataan *al-majnun* atau *al-junun* bermakna kurangnya akal (Ibn Manzur, 1997). Manakala di dalam *al-Mausuah al-Fiqhiyyah* (1989) terdapat beberapa definisi, antaranya ia ditakrifkan sebagai gangguan akal yang menyebabkan terhalang keselarasan antara perbuatan dan percakapan. Selain itu, *al-junun* juga didefinisikan sebagai gangguan kepada keupayaan untuk membezakan antara yang baik dan buruk dari aspek kesan akibatnya. Ia juga boleh ditakrifkan dengan gangguan keupayaan untuk membuat persepsi secara keseluruhan. Hasan Muzafar (2015), mengatakan *al-junun* adalah satu ungkapan kepada kerosakan otak yang menyebabkan seseorang berada dalam keadaan tiada berakal. Ia juga bermaksud, gangguan dari sudut terhalang keselarasan perbuatan dan percakapan berdasarkan logik akal.

Penyakit mental didefinisikan sebagai “...a disorder or condition that negatively affect cognition (thought), behavior, and/or affect (mood) to such a point where it causes a significant amount of distress and functional impairment for a prolonged period of time” (The Gale Encyclopedia of Psychology, 2001). Ia juga boleh ditakrifkan “A recognizable pattern of personal distress, abnormal emotional reactions and behavior, cognitive impairment, and an increased risk of death or injury due to a presumed malfunction of the mind and the brain.” (The Cambridge Dictionary of Psychology, 2009).

Maka dapat disimpulkan bahawa *al-majnun* atau gila adalah penyakit yang melibatkan gangguan pada fungsi otak yang boleh menyebabkan perubahan kepada proses pemikiran, perasaan dan tingkah-laku seseorang yang mengakibatkan gangguan untuk menjalani aktiviti seharian dengan baik. Selain itu, ia juga boleh diertikan dengan dirasuk oleh jin yang menyebabkan tingkahlaku yang tidak normal dan gangguan rasional akal.

Terdapat satu lagi perspektif dalam penggunaan perkataan *al-majnun* atau *al-junun*. Ibn Manzur (1997) menyatakan bahawa perkataan tersebut juga merujuk kepada keadaan “*ta'ajub* (تعجب), berasa hairan” dan “*pelik* (شاذ), jarang-jarang berlaku”. Menurut Kamus Dewan (2005) pula, takjub ialah berasa hairan kerana melihat atau mendengar sesuatu yang luar biasa. Manakala “menakjubkan” ialah menimbulkan rasa takjub, menghairankan, mengagumkan. Maka apabila disebut *majnun* atau gila, ia boleh merujuk kepada perasaan takjub dan pelik iaitu berasa aneh atau pelik (kerana melihat atau mendengar sesuatu), hairan dan kagum.

■ 3.0 AL-MAJNUN DI DALAM AL-QURAN

Penggunaan perkataan *al-majnun* di dalam al-Quran boleh dikategorikan kepada dua kumpulan. Pertama, ayat-ayat yang merakamkan dakwaan dan tohmahan yang dilemparkan oleh orang-orang yang ingkar kepada nabi dan rasul. Kedua ialah ayat-ayat penafian daripada Allah SWT kepada dakwaan dan tohman tersebut. Ayat-ayat yang dikategorikan sebagai dakwaan dan tohman kepada para nabi adalah seperti di dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, terdapat empat ayat merujuk kepada Nabi Muhammad SAW iaitu Surah al-Hijr (15: 6), Surah al-Soffat (37: 36), Surah al-Dukhan (44: 14) dan Surah al-Qalam (68: 2). Manakala dua ayat merujuk kepada Nabi Musa AS iaitu Surah al-Syuara (26: 27) dan Surah al-Zariyyat (51: 39). Hanya satu ayat merujuk kepada Nabi Nuh AS iaitu Surah al-Qamar (54: 9).

Pada Surah al-Hijr (15: 6), orang-orang kafir Quraisyh menuduh Nabi Muhammad SAW sebagai gila apabila Baginda membacakan dan memberikan peringatan-peringatan yang terdapat di dalam al-Quran. Syed Qutub (2004), menjelaskan bahawa mereka mengingkari wahyu dan kerasulan tetapi memperoleh dan mempermainkan Muhammad SAW dengan kata-kata seolah-olah mempercayai al-Quran. Lebih buruk akhlak mereka kerana mengatakan Baginda seorang yang gila, sedangkan Rasulullah SAW seorang yang yang dipercayai (al-amin). Manakala dalam Surah al-Soffat (37:36), mereka adalah kaum yang sombong apabila menolak dakwah yang dibawa oleh Muhammad SAW (Ibn Kathir, 2011), malah mendakwa Rasulullah SAW sebagai seorang penyair yang gila apabila dibacakan ayat-ayat al-Quran kepada mereka (Abdullah Basmeih, 2000). Begitu juga pada Surah al-Qalam (68: 51), apabila Rasulullah SAW membacakan al-Quran kepada mereka, mereka menyerang Baginda melalui pandangan mata yang jahat dan menyakiti hati Rasulullah SAW dengan kata-kata bahawa Baginda tidak waras kerana membawa ajaran al-Quran (Ibn Kathir, 2011). Dalam Surah al-Dukhan (44: 14), apabila Rasulullah SAW diutuskan kepada mereka untuk memberi peringatan dan penjelasan, mereka berpaling darinya kerana tidak mahu menerimanya, serta mendustakannya dengan mendakwa bahawa Baginda menerima pengajaran dari orang lain dan seorang yang gila (Abdullah Basmeih, 2000). Terdapat ayat yang menggunakan perkataan “*Jinnah*” iaitu pada Surah Saba' (34: 8) yang merakamkan tuduhan kaum musyrikin terhadap Nabi Muhammad SAW sebagai gila atau dirasuk jin.

Tuduhan gila dan sebagai ahli sihir turut dialami oleh Nabi Musa AS (Surah al-Zariyyat, 51: 39 dan Surah al-Syuara', 26: 27). Ibn Kathir (2011) mentafsirkan Surah al-Zariyyat (51: 39) dengan menyatakan bahawa Allah SWT mengutuskan Nabi Musa AS dengan membawa dalil, bukti dan mukjizat yang nyata. Namun Firaun bersama tenteranya berpaling (enggan) menerima kebenaran tersebut. Ini menggambarkan betapa sombong dan bangkang mereka terhadap Baginda. Mereka juga melampau dengan menuduh Nabi Musa AS sebagai ahli sihir dan seorang yang gila. Menurut Syed Qutub (2004), ini menunjukkan bahawa hati yang tidak bersedia untuk menerima kebenaran, tidak akan terbuka untuk menerimanya walaupun didatangkan kepada mereka perbagai bukti dan mukjizat. Begitu juga dalam Surah al-Syuara' (26: 27), Firaun berkata kepada kaumnya bahawa Nabi Musa AS adalah seorang yang tidak berakal (gila) kerana di dalam dakwahnya, Baginda mengatakan ada tuhan lain selain Firaun. Sedangkan Firaun merasakan bahawa dialah tuhan yang paling berkuasa ke atas semua rakyatnya ketika itu. Namun, Nabi Musa dituduh gila kerana berani menentanginya. Manakala dalam Surah al-Qamar (54: 9), tuduhan yang sama turut dilemparkan kepada Nabi Nuh AS. Bukan sahaja dia dituduh gila tetapi turut diancam dan dihalang dari melakukan kerja-kerja dakwah kepada kaumnya ketika itu (Abdullah Basmeih, 2000).

Jadual 1 Ayat-ayat dalam kategori tuduhan dan tohmahan

Surah	Ayat	Maksud	Nabi Yang Dituduh
1) Surah al-Hijr, 15: 6	وَقَالُوا يَا أَيُّهَا الَّذِي نُزِّلَ عَلَيْهِ الذِّكْرُ إِنَّكَ لَمَجْنُونٌ	Dan mereka yang ingkar berkata (kepada Nabi Muhammad): "Wahai orang yang kepadanya diturunkan al-Quran, sesungguhnya engkau adalah orang gila".	
2) Surah al-Soffat, 37: 36	وَيَقُولُونَ أَأَنَّا لَتَارِكُو آهْنِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ	Serta mereka berkata: "Patutkah kami mesti meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah, kerana mendengar ajakan seorang penyair gila?"	
3) Surah al-Dukhan, 44: 14	ثُمَّ تَوَلَّوْا عَنْهُ وَقَالُوا مُعَلِّمٌ مَّجْنُونٌ	Sekalipun demikian, mereka juga berpaling ingkar daripada menerima keterangannya sambil berkata (sesama sendiri): "Dia seorang yang diajar (oleh bangsa asing), dia juga seorang yang gila!"	Nabi Muhammad SAW
4) Surah al-Qalam, 68: 51	وَأِنْ يَكَادُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَارِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُ لَمَجْنُونٌ	Dan sesungguhnya orang-orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka (yang penuh dengan permusuhan dan kebencian), semasa mereka mendengar al-Quran sambil berkata: Sebenarnya (Muhammad) itu, sungguh-sungguh orang gila.	
5) Surah al-Zariyyat, 51: 39	فَتَوَلَّىٰ بَرْكِيهٖ وَقَالَ سَاحِرٌ أَوْ مَجْنُونٌ	Maka Firaun berpaling ingkar dengan berdasarkan kekuasaannya sambil berkata: "(Musa itu) adalah seorang ahli sihir, atau seorang gila!"	Nabi Musa AS
6) Surah al-Syuara, 26: 27	قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمْ الَّذِي أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ	Firaun berkata (kepada orang-orangnya): "Sebenarnya Rasul yang diutuskan kepada kamu ini, sungguh gila"	
7) Surah al-Qamar, 54: 9	كَدَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَجْنُونٌ وَازْدَجَرَ	Sebelum mereka, kaum Nabi Nuh juga telah mendustakan (Rasulnya); Iaitu mereka mendustakan hamba Kami (Nabi Nuh) serta mereka menuduhnya dengan berkata: Dia seorang gila dan dia telah diancam (dan dihalang daripada menjalankan dakwah agama).	Nabi Nuh AS

Manakala ayat-ayat yang mencatatkan penafian daripada Allah SWT terhadap segala tohmahan yang dilemparkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah seperti di dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Ayat-ayat penafian oleh Allah SWT terhadap tohmahan dan tuduhan.

Surah	Ayat	Maksud
1) Surah al-Zariyyat, 51: 52	كَذَلِكَ مَا أَتَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا قَالُوا سَاحِرٌ أَوْ مُجْنُونٌ	Demikianlah (keadaan tiap-tiap kaum terhadap RasulNya samalah seperti keadaan kaummu Wahai Muhammad) - tidak ada seorang Rasul pun yang datang kepada kaum-kaum yang terdahulu dari mereka, melainkan ada yang berkata: "Dia adalah seorang ahli sihir, atau seorang gila".
2) Surah al-Thur, 52: 29	فَذَكِّرْ فَمَا أَنْتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مُجْنُونٍ	Maka hendaklah engkau (Wahai Muhammad) tetap tekun memberi peringatan (dengan ajaran-ajaran al-Quran yang diturunkan kepadamu, dan janganlah dihiraukan golongan yang ingkar), kerana engkau dengan nikmat Tuhanmu (yang dilimpahkanNya kepadamu itu) bukanlah seorang pawang dan bukan pula seorang gila.
3) Surah al-Qalam, 68: 2	مَا أَنْتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمُجْنُونٍ	Engkau (Wahai Muhammad) - dengan sebab nikmat pemberian Tuhanmu - bukanlah seorang gila (sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik, bahkan engkau adalah seorang yang bijaksana).
4) Surah al-Takwir, 81: 22	وَمَا صَاحِبُكُمْ بِمُجْنُونٍ	Dan sebenarnya sahabat kamu (Nabi Muhammad) itu (Wahai golongan yang menentang Islam), bukanlah ia seorang gila (seperti yang kamu tuduh);

Berdasarkan Jadual 2 di atas, terdapat empat ayat yang merakamkan penafian oleh Allah SWT terhadap tuduhan dan tohmahan orang-orang Quraisyh kepada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang yang gila, pengamal sihir dan pawang atau bomoh. Dalam Surah al-Zariyyat (51: 52), Allah SWT memujuk dan menghiburkan hari Rasulullah SAW dengan mengatakan bahawa penentangan, penghinaan dan tuduhan sebagai ahli sihir dan seorang yang gila turut dialami oleh rasul-rasul sebelum baginda. Keadaan ini adalah lumrah kepada seorang pesuruh Allah Allah SWT yang membawa risalah kebenaran. Tuduhan-tuduhan yang sama ini seolah-olah menggambarkan mereka saling berpesan dan berwasiat antara satu sama lain (Ibn Kathir, 2011). Dalam Surah al-Thur (52: 29), Allah SWT juga memerintahkan Rasulullah SAW untuk terus menjalankan dakwah memberi peringatan terhadap ajaran-ajaran al-Quran yang telah diturunkan kepada Baginda dan jangan dihiraukan golongan yang ingkar itu (Abdullah Basmeih, 2000). Menurut Ibn Kathir (2011), al-Quran dan ajarannya adalah suatu nikmat pemberian Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Dengan nikmat tersebut Baginda menyampaikan dakwah dan bukanlah seorang pawang atau bomoh yang mendapat berita dari golongan jin atau seorang yang gila dirasuk jin.

Penafian bahawa Nabi Muhammad SAW bukanlah seorang yang gila juga disebut di dalam Surah al-Qalam (68: 2) dan Surah al-Takwir (81: 22). Dalam Surah al-Qalam (68: 2) Allah SWT menjelaskan bahawa Baginda bukanlah seorang yang gila tetapi adalah seorang yang bijaksana (Abdullah Basmeih, 2000). Manakala dalam Surah al-Takwir (81: 22), menggunakan perkataan "sahabat" menunjukkan bahawa orang-orang Quraisyh sangat mengenali Nabi Muhammad SAW dari kecil. Mereka tahu latar belakang Baginda dan segala keperibadiannya. Baginda bukanlah seorang yang gila sepertimana yang mereka tuduhkan itu.

Selain empat ayat penafian di atas, terdapat ayat-ayat lain yang turut menafikan bahawa Rasulullah SAW seorang yang gila atau dirasuk oleh jin iaitu pada Surah al-A'raf (7: 184), Surah al-Mukminun (23: 30) dan Surah Saba' (34: 46). Begitu juga dengan Nabi Nuh AS yang dituduh gila atau dirasuk jin, telah dinafikan oleh Allah SWT melalui Surah al-Mukminun (23: 25).

■ 4.0 SEBAB TUDUHAN

Jika diselusuri ayat-ayat yang terdapat pada kedua-dua kategori di atas, didapati bahawa tuduhan yang dilemparkan kepada para nabi sebagai seorang yang gila adalah berkisar kepada "perkara yang tidak logik atau tidak dapat diterima oleh akal manusia biasa", sama ada dalam bentuk (i) masej atau seruan kepada mentauhidkan Allah SWT, (ii) kata-kata yang diucapkan oleh para nabi, (iii) pengalaman luar biasa yang dialami oleh para nabi dan (iv) mukjizat yang dianugerahkan kepada mereka.

Dakwah para nabi kepada kaumnya agar mentauhidkan Allah SWT, mempercayai hidup selepas mati, beriman kepada perkara-perkara yang tidak nampak (ghaib) seperti syurga, neraka, pahala, dosa dan hari kiamat adalah perkara-perkara yang tidak dapat diterima oleh akal manusia yang tidak beriman kepada Allah SWT dan RasulNya. Sebagai contoh, Firman Allah Allah SWT;

"...dan orang-orang yang kafir pula berkata (sesama sendiri secara mengejek-ejek): "Mahukah, kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki ang memberitakan kepada kamu bahawa apabila kamu dihancurkan sehancur-hancurnya sesudah mati, sesungguhnya kamu akan dihidupkan semula dalam bentuk kejadian yang baru? Adakah ia berdusta terhadap Allah, atau ia kena penyakit gila?"

(Surah Saba', 34: 7-8)

Ayat di atas menggambarkan bentuk pemikiran orang-orang tidak beriman terhadap kebangkitan semula manusia selepas mati. Mereka tidak percaya apabila manusia sudah mati, ia akan dibangkitkan semula kerana pada fikiran mereka ia adalah sesuatu yang mustahil dan tidak dapat diterima oleh akal manusia normal, lalu menuduh para nabi sebagai seorang yang gila. Sedangkan kebangkitan manusia selepas kematian telah dibuktikan oleh Allah SWT sama ada melalui ayat-ayat al-Quran yang berbentuk keterangan bahawa kebangkitan pada hari kiamat adalah sesuatu yang benar (Surah al-Jathiyah, 45: 23-26) atau dalam bentuk kisah yang berlaku kepada Ashab al-Kahfi yang disebutkan di dalam Surah al-Kahf (18: 9-25).

Nabi Muhammad SAW dianggap gila kerana mengeluarkan kata-kata yang tidak dapat diterima oleh akal manusia yang tidak beriman. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud “*sesungguhnya akulah yang paling mengenali batu-batu di Mekah. Batu-batu itu memberi salam kepadaku sebelum aku diutus menjadi rasul. Kini aku ingat peristiwa itu.*” (Muslim, 1987: 5654). Al-Nawawi (1392h) mensyarahkan hadis ini dengan berkata bahawa kisah ini adalah salah satu mukjizat yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW. Ia juga disebut di dalam Surah al-Isra’ (17: 44). Beliau berpendapat bahawa batu itu benar-benar bertasbih (atau memberi salam). Ini adalah antara kata-kata Rasulullah SAW yang membangkitkan rasa pelik dan tidak boleh diterima akal oleh mereka yang tidak beriman kepada Allah SWT dan RasulNya. Jika ada yang menuduh Nabi Muhammad SAW sebagai gila kerana kata-kata ini, bagaimana pula dengan kisah pokok tamar menangis seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam kitabnya *Jamie al-Tirmizi*. Sedangkan ramai para sahabat yang mendengar tangisan ini, maka apakah patut mereka turut dikatakan sebagai gila?

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْطُبُ لِأَيِّ جِدْعٍ فَلَمَّا اتَّخَذَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْوَيْبَرَ حَنْ الْجِدْعِ حَتَّى أَتَاهُ فَالْتَزَمَهُ
فَمَسَكَنَ

“Dari Ibnu Umar bahwasannya Nabi SAW berkhotbah dengan memegang sepohon pokok kurma. Ketika Nabi SAW beralih menggunakan minbar, maka pokok tersebut menangis sehingga Baginda mendatangnya dan memegangnya, maka ia pun diam.

(HR al-Tirmizi, 1998: 505)

Contoh suruhan atau ajakan yang dikatakan tidak dapat diterima akal manusia biasa adalah seperti kisah Nabi Nuh AS menyuruh kaumnya untuk membuat sebuah bahtera di atas bukit Judi. Nabi Nuh AS mendakwa bahawa dia mendapat perintah daripada Allah SWT sebagai persediaan kepada satu bencana banjir yang sangat besar akan berlaku. Kisah ini dirakamkan secara jelas di dalam Surah al-Mukminun (23: 21-30). Perkara ini sudah tentu tidak dapat diterima oleh akal manusia kerana kaum Nabi Nuh tidak pernah mengalami peristiwa banjir besar dan membina kapal di atas bukit adalah satu perkara yang asing bagi mereka. Allah SWT menukilkan kata-kata kaum Nabi Nuh AS yang bermaksud “*Ia tidak lain hanyalah seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah akan perubahan keadaannya hingga ke suatu masa*” (Surah al-Mukminun, 23: 25).

Manakala Ibn Kathir (2011), mencatatkan sebuah kisah Rasulullah SAW ketika menyerukan dakwahnya di atas bukit Shafa. Baginda memanggil kaum Quraisyh lalu memberi peringatan kepada kaumnya itu terhadap seksaan dan hukuman-hukuman Allah SW. Lalu datang salah seorang dari kaumnya dan berkata “*sesungguhnya teman kalian ini adalah seorang yang gila, ia akan berbicara sehingga pagi*”. Lalu turunlah ayat yang bermaksud;

“Patutkah mereka (ingkar dan) tidak mahu memikirkan (dengan fikiran yang siuman bahawa) sahabat mereka (Muhammad) tidak sekali-kali mengidap penyakit gila (sebagaimana yang mereka tuduh itu), bahkan dia hanyalah seorang (Pesuruh Allah) yang memberi amaran yang jelas.”

(Surah al-A’raf, 7: 184)

Peristiwa Rasulullah SAW menerima wahyu yang pertama juga merupakan suatu pengalaman yang asing bagi Baginda dan kaum Quraisyh yang mendengar kisah ini ketika itu. Kisah ini disebut oleh Imam Bukhari dalam *Kitab Sahih al-Bukhari*.

Dari Aisyah RA, dia menceritakan; wahyu pertama-tama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW berupa mimpi yang baik ketika tidur, Baginda SAW tidak bermimpi selain datang seperti fajar subuh, dan Baginda SAW selalu pergi ke gua Hira’ untuk bertahannus di sana iaitu beribadah beberapa malam, dan Baginda SAW untuk hal tersebut membawa bekalan, kemudian kembali kepada Khadijah agar dia dapat mempersiapkan bekalan Baginda SAW untuk keperluan seperti itu, sampai akhirnya Baginda SAW dikejutkan dengan al-Haq ketika Baginda SAW sedang berada di dalam gua Hira’. Malaikat datang kepada Baginda SAW dan berkata: “*Bacalah!*” Nabi SAW berkata “*maka aku menjawab, aku tidak pandai membaca!*” Lalu dia memelukku dan menutupiku hingga aku kepayahan. Kemudian melepaskanku dan berkata: “*Bacalah!*” Aku menjawab “*Aku tidak pandai membaca!*” Dia memelukku dan menutupiku untuk kedua kalinya hingga aku kepayahan. Kemudian melepaskanku lagi seraya berkata: “*Bacalah!*” Aku menjawab “*Aku tidak pandai membaca!*” Maka dia memelukku dan menutupiku untuk kali ketiganya hingga aku kepayahan. Kemudian melepaskanku lagi dan mengatakan: *اقرأ باسم ربك الذي خلق* sehingga *ما لم يعلم* kemudian Baginda SAW pulang dengan menggigil menemui Khadijah dan berkata: “*Selimutilah aku, selimutilah aku!*” maka keluarganya pun menyelimuti Baginda SAW, sampai rasa ketakutan Baginda SAW hilang. Kemudian Baginda SAW berkata: “*Ya Khadijah, apa yang terjadi pada diriku?*” Baginda SAW menceritakan peristiwa tersebut kepadanya dan berkata: “*Aku bimbang akan diriku*” Maka Khadijah menjawab: “*Sekali-kali tidak, bergembiralah, demi Allah, Allah tidak akan menghinakanmu selama-lamanya, sebab engkau suka menyambung silaturrahim, berkata jujur, menghilangkan kesusahan dan menjamu tamu, serta membela kebenaran!*”

(HR al-Bukhari, 1987: 111)

Berdasarkan hadis ini, terdapat berberapa peristiwa dan pengalaman yang dialami oleh Rasulullah SAW. Pertama, Baginda berjumpa dengan Jibril di dalam gua Hira dalam rupanya yang sebenar. Digambarkan rupa Jibril ketika itu mempunyai 600 sayap yang meliputi ufuk timur dan barat (Ibn Kathir, 2011). Ini adalah pengalaman pertama Rasulullah SAW bertemu dengan Jibril dan dalam keadaan rupanya yang sebenar. Baginda sendiri tidak pasti siapakah makhluk yang sangat besar itu? Datang memeluknya dan menyuruh Baginda membaca. Pengalaman ini menyebabkan Baginda merasakan ketakutan yang teramat sangat sehingga menggigil seluruh badan dan menyuruh Khadijah RA menyelimutkannya. Baginda juga bertanya kepada Khadijah tentang kebimbangannya terhadap apa yang berlaku kepada dirinya itu. Khadijah RA sebagai isteri yang setia, memberikan kata-kata perangsang semangat agar Baginda tenang dan tenteram. Menurut Malik Bin Nabi (1983), apabila Rasulullah SAW menyangka bahawa dirinya gila atau dirasak oleh jin atau mungkin terkena sihir, Khadijah RA memberikan nasihat tentang keperibadian Rasulullah SAW yang selama ini berbuat baik sesama manusia dan tidak pernah memutuskan tali persaudaraan, mana mungkin Allah SWT menghinanya dengan keadaan itu. Tetapi bagi orang-orang Quraisyh ketika itu, mereka

menganggap bahawa Rasulullah SAW gila kerana mengalami khayalan atau halusinasi bertemu dengan Jibril dalam bentuk rupanya yang sebenar (Surah al-Takwir, 81: 22).

Tuduhan khayalan atau halusinasi ini sebenarnya terhad kepada beberapa perkara unik yang berlaku terhadap diri Baginda SAW yang sebenarnya adalah tanda-tanda dan pengalaman kenabian yang turut dialami oleh nabi-nabi sebelum Baginda. Sebagai contoh, peristiwa bertemu dengan Jibril turut dialami oleh Nabi Zakaria. Bible Luke (1: 11-12) menyebutkan “*Then an angel of the Lord appeared to him (Zechariah), standing on the right side of the altar of incense. When Zechariah saw him, he was troubled, and fear fell upon him*”. Jibril juga bertemu dengan Nabi Daniel, “*As he came near the place where I was standing, I was terrified and fell prostrate...*” (Daniel, 8: 16-17). Kedua-dua nabi ini dikatakan bertemu dengan Jibril dan mereka juga merasa takut sehingga jatuh pingsan atau tidak sedarkan diri seperti keadaan yang dialami oleh Nabi Muhammad SAW ketika bertemu dengan Jibril.

Kedua, hadis penurunan wahyu ini juga menceritakan bagaimana keadaan Rasulullah SAW yang mengalami kesedihan apabila terputusnya wahyu turun selepas wahyu pertama tersebut dalam tempoh yang agak lama. Al-Sibaie (1985) menyatakan, terdapat beberapa pandangan mengenai tempoh masa ini. Ia berlaku antara enam bulan sehingga tiga tahun, tetapi enam bulan lebih tepat. Namun begitu, kesedihan nabi ini memuncak sehingga dikatakan sehingga Rasulullah SAW hampir-hampir ingin membunuh diri. Menurut Sibaie lagi, pernyataan Rasulullah SAW ingin membunuh diri adalah kiasan dari pada perawi bernama al-Zuhri, ia tidak bersambung kait dengan riwayat asal.

ثُمَّ لَمْ يَلْسَبْ وَرَفَهُ أَنْ تُؤْفَى، وَفَتَرَ الْوَحْيُ فَتْرَةً حَتَّى حَزِنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا بَلَّغْنَا حُزْنَآ عَدَا مِنْهُ مِرَارًا كَيْ يَتَرَدَّى
مِنْ رُؤُوسِ شَوَاهِقِ الْجِبَالِ، فَكَلَّمَا أَوْفَى بِذُرُورَةِ جَبَلٍ لِكَيْ يُلْقِي مِنْهُ نَفْسَهُ، تَبَدَّى لَهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ إِنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ حَقًّا.
فَيَسْكُنُ لِيَلِكْ جَأَشُهُ وَتَيَّرَ نَفْسَهُ فَيَرْجِعُ، فَإِذَا طَالَتْ عَلَيْهِ فَتْرَةُ الْوَحْيِ عَدَا لِمِثْلِ ذَلِكَ، فَإِذَا أَوْفَى بِذُرُورَةِ جَبَلٍ تَبَدَّى لَهُ جِبْرِيلُ
فَقَالَ لَهُ مِثْلَ ذَلِكَ

“...Kemudian tak berselang lama Waraqah meninggal dan wahyu berhenti beberapa lama hingga Baginda sedih. Berita yang sampai kepada kami, kesedihan yang Baginda alami sedemikian rupa, hingga Baginda beberapa kali ingin bunuh diri dengan cara menerjukkan diri dari puncak gunung, setiap kali Baginda naik puncak gunung untuk menerjukkan dirinya, Jibril menampakkan diri dan mengatakan; 'Hai Muhammad, sesungguhnya engkau benar-benar seorang utusan Allah!' Nasihat ini menjadikan hatinya lega dan jiwannya tenang dan pulang. Namun jika sekian lama wahyu tidak turun, jiwanya kembali terguncang, dan setiap kali ia naik puncak gunung untuk bunuh diri, Jibril menampakkan diri dan menasihati seperti itu juga.”

(HR Bukhari, 1987: 111)

Namun demikian, tuduhan gila terhadap Rasulullah SAW tidak terhenti selepas kewafatan Baginda. Keadaan ini bertepatan seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Zariyat (51: 52) seperti yang dihuraikan oleh Ibn Kathir (2011). Mereka yang membuat tuduhan seolah-olah berpesan dan wasiat tentang tohmahan ini dari generasi ke generasi. Nabi Muhammad SAW dituduh sebagai mempunyai “serangan misteri” (*mysterious seizures*) yang biasa dikaitkan dengan penyakit *epilepsy* ketika menerima wahyu. Menurut Schaff & Schaff (1910), ketika menerima wahyu, Nabi Muhammad SAW dikatakan “*sometimes growled like a camel, foamed at his mouth, and streamed with perspiration*”. Margoliouth (2003) pula mendakwa bahawa Nabi Muhammad SAW menderita penyakit *epilepsy* yang akan menyerangnya pada bila-bila masa.

Walau bagaimana pun, pandangan-pandangan ini ditolak oleh Freemon (1976). Beliau menyatakan bahawa untuk membuat diagnosis perubatan terhadap penyakit seperti penyakit *temporal lobe epilepsy*, serangan psikomotor (seperti kekejangan) adalah tanda yang paling dapat digunakan sebagai bukti serangan berlaku. Namun pengetahuan yang terhad terhadap sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW dan pengetahuan saintifik terhadap fungsi otak ketika Baginda berada di dalam tidak sedar, tidak membolehkan satu diagnosis yang konklusif dibuat. Kelemahan diagnosis ini menyebabkan salah faham masyarakat Barat terhadap pengalaman unik kenabian ini. Malah pengalaman bertemu dengan Jibril (dalam rupa bentuk yang sebenar) juga dialami oleh Isa dan Musa yang membawa mesej yang sama iaitu untuk membersihkan dan memandu manusia kepada kehidupan yang mulia.

Al-Sibaie (1985) mencadangkan kepada pengkritik dan penuduh Rasulullah SAW sebagai gila, agar melihar sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW ini bermula sejak Baginda kecil, dewasa, menjadi nabi dan kemudian menjadi ketua Negara. Sejarah naratif kehidupan Rasulullah SAW perlu dijadikan sandaran untuk menjawab tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Hanya setelah berumur 40 tahun, Baginda mengalami berbagai peristiwa pelik yang dikata “gila” oleh orang-orang Quraisyh. Sedangkan sebelum itu, mereka jugalah yang menggelarkan Baginda dengan gelaran *al-Amin*. Penduduk Mekah bukan tidak mengenali keperibadian Baginda kerana Rasulullah SAW lahir, membesar dan berkahwin di Mekah. Nabi Muhammad SAW tidak pernah meninggalkan Mekah dalam tempoh yang lama. Rasulullah SAW juga mempunyai pertalian darah keturunan dengan pembesar-pembesar Mekah ketika itu seperti Abu Jahal dan Abu Lahab. Ini bermakna mereka amat mengenali Rasulullah SAW secara dekat. Kedekatan Rasulullah SAW dengan orang-orang Mekah dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud “*Orang-orang yang Kami berikan Kitab itu (Yahudi dan Nasrani) mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri*” (Surah al-Baqarah, 2: 146 dan Surah al-Anam, 6: 20).

Freemon (1976) juga menyebutkan bahawa kesan daripada ajaran Baginda, Islam dapat tersebar keseluruh pelusuk tanah Arab dan sekitarnya hasil daya usaha para sahabat Baginda, sedangkan Rasulullah SAW telah wafat. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mempunyai daya kepimpinan yang tinggi Menurut beliau;

“*It is also unlikely that a person with loose associations and other elements of schizophrenic thought disorder could guide the political and military fortunes of the early Islamic state*”

(Freemon, 1976: 424)

Selain itu, Rasulullah SAW juga merasai banyak pengalaman luar biasa yang tidak boleh diterima oleh akal manusia yang tidak beriman. Salah satunya adalah pengalaman Isra' dan Mikraj. Ia merupakan suatu pengalaman yang unik dan menakjubkan. Baginda pergi ke Masjid al-Aqsa di Palestin yang jaraknya dengan Mekah adalah sekitar 1200 kilometer. Kemudian naik ke langit, bertemu dengan Allah SWT dan nabi-nabi terdahulu, menerima syariat kefardhuan solat daripada Allah SWT, berulang-alik bertemu Allah SWT untuk mengurangkan bilangan rakaat solat dan kembali semula ke Mekah hanya dalam satu malam (HR al-Bukhari, 1987: 314 dan Muslim, t.t: 429). Ini adalah satu peristiwa yang boleh menggugat iman dan di luar kewarasan manusia normal. Syed Qutub (2004) ketika menafsirkan Surah al-Isra' berkata, ketika Rasulullah SAW mahu keluar rumah untuk menceritakan kisah Isra' dan Mikraj kepada kaumnya, Baginda dihalang oleh Ummu Hani yang bimbang tentang tindak balas mereka terhadap Nabi Muhammad SAW, mereka pasti akan mendustakan nabi. Abu Jahal mendengar kisah ini lalu menghimpunkan orang ramai untuk sama-sama mendengar kisah ini. Respon mereka, ada yang bertepuk tangan dan meletakkan tangan di atas kepala kerana ingkar dan hairan dengan cerita ini. Bahkan ada dalam kalangan orang yang beriman, kembali kepada agama asal mereka kerana enggan percaya dengan cerita-cerita yang dibawa oleh Baginda SAW. Namun demikian, Abu Bakar tetap percaya dan membenarkan segala pengalaman yang diceritakan oleh Rasulullah SAW. Sebab itulah beliau digelar *al-Siddiq* (yang membenarkan).

■ 5.0 DELUSI AGAMA (*RELIGIOUSITY DELUSION*)

Pengalaman-pengalaman unik yang dilalui oleh Rasulullah SAW mendorong kaum Quraisyh untuk menuduh Baginda sebagai gila atau dirasuk oleh jin. Sedangkan sebenarnya ia merupakan mukjizat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada Baginda SAW. Namun, sebagai seorang muslim, sifat berhati-hati perlu diutamakan terhadap dakwaan yang dibuat oleh seseorang bahawa dia adalah nabi atau utusan Allah SWT atau wali atau penyelamat umat. Ini kerana individu ini turut mendakwa bahawa dia mengalami peristiwa-peristiwa pelik, ganjil seperti didatangi oleh Jibril.

Dalam kajian Rudalevičienė, Stompe, Narbekovas, Raškauskienė, & Bunevičius (2008) mendapati, "...the most frequent content of religious delusion in women was their belief that they were saints and in men – that they imagined themselves as God". Menurut Bhavsar & Bhugra (2008), bukan sesuatu yang memeranjatkan apabila dikatakan bahawa sebilangan besar pesakit mental yang mempunyai "delusi agama" adalah terdiri daripada penganut Katolik, Islam dan Protesten dilaporkan menghidap delusi "*religious content*". Unsur agama pada pesakit skizoprenia mungkin berperanan pada tahap permulaan dan kemudian kekal dalam delusi seseorang penghidap skizoprenia. Delusi agama dilihat sebagai satu faktor yang memainkan peranan penting kepada tanda-tanda paranoid. Dalam hal ini, Spitzer (1990) menyatakan "*A religious delusion is any delusion involving religious themes or subject matter*". Ini bermakna terdapat pesakit mental yang mempunyai delusi (iaitu kepercayaan yang salah tetapi dianggap betul oleh pesakit) yang bercirikan unsur-unsur atau tema-tema agama seperti mengaku dirinya Tuhan, Nabi, Wali dan penyelamat umat. Persoalan yang mungkin timbul ialah bagaimana mahu membezakan pengalaman kenabian dengan delusi agama?

Untuk menjawab persoalan ini, penulis memberikan cadangan. Pertama; keyakinan kepada kesempurnaan peribadi Rasulullah SAW yang wajar dijadikan contoh tauladan seperti yang disebut di dalam Surah al-Ahzab (33: 21). Mana mungkin Allah SWT menyuruh agar Nabi Muhammad SAW dijadikan contoh tauladan sekiranya Baginda gila. Kedua; keimanan bahawa Baginda merupakan nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT kepada sekian manusia (Surah al-Azhab, 33: 40). Maka tiada lagi nabi-nabi baru yang akan diutuskan kepada manusia hingga akhir zaman nanti. Ketiga; penilaian terhadap naratif kehidupan, latar belakang peribadi, sikap, tingkahlaku, akhlak dan bukti seseorang yang mengaku dirinya nabi, wali dan Tuhan sekalipun perlu dipertimbangkan dan dinilai sebelum kata-katanya dipercayai. Kriteria ini boleh dijadikan panduan, rujukan, indikator atau penilaian terhadap keadaan mental individu tersebut. Jika pendirian ini jelas, maka datanglah sesiapa pun yang mengaku dirinya nabi atau utusan Allah SWT dengan mengalami peristiwa-peristiwa yang kononya serupa dialami oleh para nabi dan rasul, maka boleh dianggap manusia ini sebagai gila dan tidak perlulah diberi ruang untuk menyampaikan ajarannya.

■ 6.0 KESIMPULAN

Sewaktu Rasulullah SAW mula menerima wahyu, masyarakat arab ketika itu berada di dalam jahiliyyah. Kehidupan mereka dipenuhi dengan melakukan maksiat, zina, berjudi, minum arak, riba, menzalimi kaum yang lemah dan menyirikkan Allah SWT. Lalu datang Rasulullah SAW membawa risalah Islam agar mentauhidkan Allah SWT, berbuat baik sesama makhluk, jauhi zina, arak dan riba. Dakwah Rasulullah SAW ini sangat berbeza dengan keadaan kehidupan mereka ketika itu. Baginda juga mengamalkan kehidupan sosial dan akhlak yang sangat berbeza dan bertentangan sama sekali dengan cara hidup kaum Quraisyh ketika itu. Keadaan ini sangat ganjil dan pelik bagi mereka. Justeru itu, mereka sewenang-wenangnya menuduh bahawa Rasulullah SAW sebagai gila hanya disebabkan dakwah Baginda yang menyeru kepada satu cara hidup yang lebih berakhlak dan mempunyai sistem yang luhur.

Untuk menjawab persoalan mengapa Rasulullah SAW dituduh atau digelar sebagai gila, penulis membuat kesimpulan berikut; Pertama, perkataan *majnun* atau gila itu dilemparkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam konteks penggunaan perkataan tersebut sebagai menunjukkan rasa takjub, pelik dan hairan kepada Baginda SAW yang membawa suatu ajaran baru yang terlalu asing kepada mereka, yang bertentangan dengan amalan-amalan kebiasaan, ibadah, akhlak, tingkahlaku dan sistem kehidupan orang Quraisyh ketika itu. Mereka juga sebenarnya kagum dengan keberanian Rasulullah SAW memperkenalkan Islam kepada kaum Quraisyh walaupun mendapat tentangan yang dahsyat, zalim dan kejam. Namun baginda tetap istiqamah dengan jalan dakwah. Semangat juang Rasulullah SAW yang berani, kuat dan jitu sewaktu berdakwah amatlah menghairankan mereka. Kedua, keadaan ini ditambah dengan kata-kata atau cerita-cerita "pelik" yang disampaikan oleh Rasulullah SAW serta pengalaman ganjil yang dialami oleh Baginda yang sebenarnya merupakan mukjizat dan tanda-tanda kenabian. Inilah perkara-perkara yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang dikatakan "gila". Walaupun pada hakikatnya mereka tahu bahawa Rasulullah SAW bukanlah gila kerana kurang akal atau sakit otak atau dirasuk oleh jin.

Rujukan

- Abdullah Basmeih, S. (2000). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr.
- Al-Baqi, M. F. (1364). *Al-Mu'ajam Al-Mufahras Li Alfaz Al-Quran Al-Karim*. Cairo: Maktabah Dar Al-Kutub Al-Misriah.
- Al-Bukhari. (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Nawawi. (1392). *Al-Manhaj Syarah Sahih Muslim ibn Al-Hajaj*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Sibaie, M. (1985). *Al-Sirah Al-Nabawiyah*. Beirut: Al-Maktabah Al-Islami.
- Al-Tirmizi. (1998). *Sunan Al-Tirmizi*. Beirut: Dar Al-Ghurab Al-Islami.
- Bhavsar, V., & Bhugra, D. (2008). Religious Delusions: Finding meanings in psychosis. *Psychopathology*, 41, 165–172. doi:10.1159/000115954
- Bonnie, R. S. (2001). *The Gale Encyclopedia of Psychology* (2nd ed.). Farmington Hills: Gale Group.
- Freemon, F. R. (1976). A Differential Diagnosis of the Inspirational Spells of Muhammad the Prophet of Islam. *Epilepsia*, 17, 423–427.
- Hasan Muzaffar. (2015). *Al-Junun: Qiraatu Awaliyah Li Dilalatihi Fi Al-Mujtama' Al-Islamiyyah*. Retrieved February 07, 2015, from <http://www.elazayem.com/a/%2829%29.htm>
- Ibn Kathir, M. A. (2011). *Tafsir Ibn Katsir (Abdul Ghoffar & Abu Ihsan, terj.)*. Jakarta: Pustaka Imam Syafie.
- Ibn Manzur. (1997). *Lisan Al-Arab*. Cairo: Maktabah Taufiqiyah.
- Kamus Dewan (edisi keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Malik Bin Nabi. (1983). *Fenomena Al-Quran (Saleh Mahfoed, terj.)*. Bandung: PT Al-Maarif.
- Margoliouth, D. S. (2003). *Mohammed and The Rise of Islam*. London: The Knickerbocker Press.
- Matsumoto, D. (2009). Mental Disorder. In *The Cambridge Dictionary of Psychology*. London: Cambridge University Press.
- Ministry of Awqaf and Islamic Affairs State of Kuwait. (1989). Junun. In *Al-Mausuah Al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Thobaah Zat Al-Salasil.
- Rudalevičienė, P., Stompe, T., Narbekovas, A., Raškauskienė, N., & Bunevičius, R. (2008). Are religious delusions related to religiosity in schizophrenia? *Medicina (Kaunas)*, 44(7), 529–535.
- Schaff, P., & Schaff, D. S. (1910). Life and Character of Mohammed. In *History of the Christian church*. (3rd ed.). New York: Charles Scribner's Sons.
- Spitzer, M. (1990). On defining delusions. *Comprehensive Psychiatry*, 31(5), 377–397. doi:10.1016/0010-440X(90)90023-L
- Syed Qutb. (2004). *Fi Zilal Al-Quran*. Cairo: Dar Al-Shuruq.